

09/09/2003

Tilawah peringkat kebangsaan malam ini

JOHAN qari dan qariah tahun lalu, Abdul Ghani Hashim dan Umi Kalsom Mohd Zain turut dalam Tilawah Al-Quran peringkat kebangsaan ke-46 di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Johor Bahru, Johor selama lima hari mulai malam ini.

Seramai 28 qari dan qariah dari seluruh negara akan menyertai tilawah kali ini.

Tilawah yang masih mengekalkan tema Bersama Menghayati Keindahan Islam itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada jam 8.30 malam ini.

Setiap negeri menghantar dua wakil iaitu seorang peserta qari dan qariah kecuali Terengganu dan Kelantan yang menghantar seorang peserta qari.

Bagi memudahkan orang ramai terutama warga bandar raya ke majlis itu, penganjur menyediakan 12 bas awam secara percuma membawa orang ramai ke stadium berkenaan.

Orang ramai boleh menaiki bas yang disediakan di Masjid Pasir Gudang, Larkin, Kampung Melayu Majidee dan Bandar Baru Uda untuk ke majlis itu.